

SUMBER DANA

Menerima sumbangan daripada negara luar dan orang luar terutama daripada negara Iran dan orang Iran.

Menjalankan aktiviti ekonomi dan perniagaan melalui pembentukan hauzah-hauzah yang ditubuhkan.

Memperolehi dana daripada syarikat tempatan di mana dikatakan sejumlah dana bernilai jutaan ringgit setahun disalurkan secara aktif oleh lebih 150 syarikat perniagaan tempatan untuk menampung kos kegiatan penyebaran fahaman Syiah di Malaysia.

- Menurut sumber itu lagi, dikatakan sejumlah 150 syarikat terbabit adalah sebahagian daripada keseluruhan hampir 300 syarikat yang terbabit secara langsung dengan menyumbangkan dana kepada gerakan Syiah di negara ini. Hasil risikan yang dijalankan dapat mengesan hampir 300 syarikat yang ada kaitan dengan pergerakan Syiah dan di mana sebahagiannya didalangi warga Iran sebagai pemilik atau ahli lembaga pengarah syarikat.
- Namun, daripada hampir 300 syarikat terbabit, 150 dikenal pasti menyumbang dana secara aktif dengan sumbangan antara RM5 juta dan RM6 juta setahun. Perkembangan itu menjadikan gerakan menyebarkan fahaman Syiah di negara ini satu 'pasukan' yang kukuh kerana mempunyai dana sendiri hasil kegiatan ekonomi dijalankan syarikat terbabit.

Mendapat sokongan dan pembiayaan daripada ahli-ahli yang terdiri dari golongan perniagaan yang menjalankan perniagaan seperti agensi pelancongan haji dan umrah, air minuman kesihatan, kedai-kedai makan dan sebagainya.